

# TAHAP KESEDARAN PENGURUSAN ICT SEKOLAH TERHADAP APLIKASI YOUTUBE DALAM PEMBELAJARAN ABAD 21

Dr. Tajulddin bin Muhammad  
SIPartners+  
PPD Kuala Terengganu, Terengganu

## ABSTRAK

Sistem pendidikan negara sedang bergerak dalam peringkat Gelombang 2 (2016-2020) daripada keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Penekanan kepada Anjakan 7, memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia perlu dimanfaat secara optimum oleh semua pihak berkepentingan. Penggunaan aplikasi Youtube adalah salah satu alat untuk mewujudkan PdP berkualiti seiring dengan peredaran zaman. Kajian ini lebih kepada untuk melihat sejauhmana kesedaran warga pendidik terhadap kepentingan aplikasi Youtube sebagai stimulus untuk mencapai KBAT dalam pembelajaran abad ke-21. Kajian ini menggunakan kaedah soalselidik yang mana melibatkan 213 sampel daripada sekolah menengah dan sekolah rendah dari daerah Kuala Terengganu. Perisian IBM SPSS versi 22 telah digunakan dalam menganalisis data secara deskriptif. Hasil kajian mendapati lebih daripada 90% responden mengakui kepentingan video Youtube sebagai stimulus pembelajaran. Namun begitu lebih daripada 84% responden tidak menyedari video Youtube boleh diakses secara bukan dalam talian (offline). Halangan masa, beban kerja pengkeranian dan kemudahan ICT di sekolah menjadi sebab utama mengapa warga pendidik kurang mengaplikasi kemudahan ICT dalam PdP mereka. Diharapkan kepentingan kesedaran pengurusan ICT berupaya membawa transformasi ke arah PdP berkualiti dan berimpak tinggi kepada generasi mendatang.

**Kata kunci:** Anjakan ke-7, aplikasi Youtube, pengurusan ICT dalam PdP

## LEVEL OF SCHOOL ICT MANAGEMENT AWARENESS ON YOUTUBE APPLICATIONS IN 21<sup>st</sup> CENTURY LEARNING

### ABSTRACT

The national education system is moving in Wave 2 (2016-2020) from the overall Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. Emphasis on Shift 7, utilizing ICT to improve the quality of learning in Malaysia needs to be optimally utilized by all stakeholders. The use of the Youtube app is one of the tools to create quality learning in line with the era of circulation. This study is more about looking at the extent of educators' awareness of the importance of the Youtube app as a stimulus to achieve HOTS in learning 21<sup>st</sup> century. This study uses a method of questionnaire which involved 213 samples from secondary and primary schools from Kuala Terengganu districts. IBM SPSS version 22 software has been used in analyzing data descriptively. The results show that more than 90% of respondents recognize the importance of Youtube video as a learning stimulus. But more than 84% of respondents are unaware that YouTube videos can be accessed non-online (offline). Time constraints, clerical workload and ICT facilities at school are the main reasons why educators are less likely to apply ICT in their PdP. It is hoped that the importance of ICT management awareness is to bring a transformation towards quality and high impact PdP to future generations.

## PENGENALAN

Sistem pendidikan negara sedang bergerak dalam peringkat Gelombang 2 (2016-2020) daripada keseluruhan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Penekanan kepada Anjakan 7, memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia perlu dimanfaatkan secara optimum oleh semua pihak berkepentingan. Penggunaan aplikasi Youtube adalah salah satu alat untuk mewujudkan PdP berkualiti seiring dengan peredaran zaman.

Peredaran masa dan perubahan teknologi turut menuntut transformasi dalam pendidikan. Kehadiran generasi Z dan generasi alpha perlu seiring dengan keperluan mereka. Petikan kata-kata Syaidina Ali Ibn Abu Talib R.A “Didiklah anakmu mengikut zamannya”, membawa maksud corak pembelajaran sentiasa berubah mengikut keadaan semasa dan pengajar yang terdiri daripada ibu bapa, guru dan masyarakat perlu sentiasa peka dengan persekitaran masa mereka dan sentiasa berusaha transform kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka selari dengan perubahan zaman dan teknologi.

Peredaran masa menuntut keperluan transformasi dalam PdP di sekolah. Kelahiran Generasi Z & Generasi Alpha sememangnya sejak kanak-kanak mereka telah terdedah dengan segala teknologi ICT terkini. Sebagai generasi yang lahir di era digital, akses internet telah menjadi keperluan utama bagi Generasi Z dan Generasi Alpha. Adalah agak malang jika pendidik masih berpegang kepada kaedah lama yang mungkin generasi Z dan generasi Alpha tidak pernah mengalami sebelum ini dan mereka menganggap idea itu sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

Mc Whirter (1998) mengatakan antara faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran dan ingin meninggalkan sekolah dengan segera ialah faktor bencikan sekolah kerana sekolah tempat yang membosankan dan tidak dapat memenuhi cita rasa pelajar.

Isu pendidikan di sekolah kebiasaannya agak setara. Isu ketidakhadiran murid ke sekolah kerana bosan ke sekolah. Dapatan kajian Amir hasan (2009) menerangkan faktor yang menyebabkan pelajar hilang tumpuan adalah daripada proses PdP yang membosankan. Menurut beliau lagi, dalam sebuah bilik darjah setiap pelajar mempunyai psikologi dan kemampuan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Maka setiap pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan perlu disokong (oleh BBM) bagi merangsang perkembangan potensi individu ke tahap maksimum.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengaplikasian video YouTube sebagai alat bantu mengajar (ABM) untuk menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kajian juga bertujuan melihat sejauh mana warga pendidik menyedari video daripada Youtube boleh diakses secara *offline* untuk tujuan PdP tanpa bergantung kepada internet yang kadang kala menghalang operasi muat turun (*download*) disebabkan kekangan kelajuan internet dan kekurangan infrastruktur ICT sekolah

YouTube merupakan salah satu rangkaian sosial yang sangat popular dalam kalangan masyarakat global. Laman sosial YouTube ini telah diasaskan oleh Chad Hurley, Steven

Chen dan Jawed Karim (Burgess & Green, 2009). Kini, laman sosial YouTube bukan lagi sekadar digunakan untuk berkongsikan video – video peribadi, komersial dan sebagainya, malah laman sosial YouTube juga telah digunakan sebagai salah satu medium pembelajaran. Buktinya, pada tahun 2009 dan 2010 laman sosial YouTube telah terpilih sebagai laman perkongsian video yang mendapat undian terbanyak dalam ‘The Emerging List of Top 100 Tools for Learning’ (Yuen, 2009). Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji sejauhmana kebenaran bahawa laman sosial YouTube boleh membantu dalam proses pembelajaran seseorang individu.

## LITERATUR KAJIAN

Keberkesanan penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah terbukti berdasarkan beberapa kajian lepas yang telah pengkaji peroleh sama ada dalam negara mahupun luar negara. Beberapa pengkaji telah menyatakan bahawa penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat berkesan kerana mampu menarik tumpuan pelajar dalam pembelajaran dan merangsang pemikiran pelajar untuk berfikir secara kritikal.

Kajian David Reiss (2007) dalam “Video – based Multimedia Design,” beliau menyatakan bahawa pembinaan bahan media pengajaran mampu mengawal tumpuan dan perhatian pembelajaran pelajar. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan fungsi main semula atau *playback function* bagi video dan audio yang mampu merangsang bahagian emosi otak. Kesannya, pengguna menjadi lebih sensitif dan terlibat dalam media yang digunakan walaupun tidak secara logikal.

Mohamad Johdi dan Ariegusrini (2009), dalam kajian mereka iaitu “Transformasi Pengajaran Sejarah Berasaskan Multimedia,” berpendapat bahawa penggunaan video dalam mata pelajaran Sejarah mampu membantu guru dalam meningkatkan mutu pengajarannya di samping dapat menjadikan pengajaran lebih menarik. Video boleh menimbulkan minat dan seterusnya menggerakkan keinginan pelajar untuk memahami Sejarah dengan lebih terperinci. Selain itu, video juga dapat menghilangkan rasa bosan pelajar untuk mempelajari Sejarah yang dahulunya hanya menggunakan buku teks. Keputusan ini turut disokong oleh kajian Tan & Carol (2013) di SMK Penampang Sabah yang melibatkan 60 responden tingkatan empat dari dua kelas berprestasi rendah.

Salmi & Noor (2017), Kaedah pembelajaran video youtube merupakan kaedah yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan kefahaman, minat dan fokus pelajar yang mengambil kursus sains kejuruteraan dalam topik Kerja, Tenaga dan Kuasa. Ini dibuktikan menerusi kajian yang terdiri daripada 34 orang pelajar semester satu sesi Dis 2016 program kejuruteraan dari Jabatan Mekanikal dan Jabatan Elektrik yang mengambil kursus DBS 1012 Sains Kejuruteraan di Politeknik Seberang Perai.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas tersebut, tenaga pengajar disarankan supaya mengintegrasikan pengetahuan sedia ada dengan ICT bagi mewujudkan satu pembelajaran yang berkesan dan bermakna dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran sangat berkesan dalam memberikan impak pengajaran yang mendalam dalam diri pelajar. Ini sudah terbukti berdasarkan penemuan pengkaji dalam beberapa kajian lepas. Video ini boleh dibangunkan sendiri ataupun dimuat turun daripada laman sosial YouTube. YouTube mengandungi pelbagai jenis video sama ada yang berunsur hiburan semata-mata mahupun

berunsur ilmiah. Oleh itu, guru haruslah bijak dalam mencari, memilih dan memuat turun BBM yang bersesuaian dalam sesuatu topik pengajaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menentukan tahap kesedaran guru-guru menerusi pengurusan ICT sekolah sama ada pengaplikasian video YouTube dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dapat menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran ataupun tidak.

### **Kumpulan Sasar**

Kajian ini melibatkan guru-guru Sekolah Rendah dan menengah harian Institut Pendidikan Guru pada Januari 2006. Tiga kumpulan pelajar berdasarkan mata pelajaran pengkhususan iaitu Bahasa Melayu (25), Kajian Sosial (22) dan Prasekolah (19) dilatih di institut ini. Pada keseluruhannya seramai 66 orang pelajar mengikuti program ini yang memakan masa selama lapan semester atau empat tahun.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif bertujuan untuk mengkaji secara sistematik menggunakan statistik deskriptif untuk mengkaji tanggapan guru-guru sekolah harian berkenaan aplikasi video Youtube yang bermanfaat khususnya untuk pembelajaran dalam kelas mereka. Menerusi kajian ini penyelidik menjalankan kaedah tinjauan/soalselidik untuk mendapatkan hasil.

### **Sampel Populasi/Persampelan**

Pengkaji merupakan Pegawai SIPartners+ Pejabat Pendidikan Kuala Terengganu oleh itu, sampel kajian atau responden yang dipilih sebanyak 213 orang yang terdiri daripada guru-guru Sekolah Daerah Kuala Terengganu dan ia melibatkan Sekolah Menengah (2 buah sekolah) serta Sekolah Rendah (3 buah sekolah). Kutipan data rintis melibatkan dua buah sekolah selepas pengkaji bertindak sebagai fasilitator dalam kursus dalaman perkhidmatan di sesebuah sekolah yang berminat untuk menambahkan pembelajaran pembangunan profesional.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen Kajian ini menggunakan set item kajian berkenaan. Set soal selidik ini telah dibahagikan kepada 3 bahagian:

- a. Bahagian A melibatkan demografi responden
- b. Bahagian B ialah pengaruh laman Youtube dalam membantu peningkatan minat mengikuti sesi pembelajaran, pemahaman dan perkaitan video sebagai ABM serta bagaimana video membantu pemikiran kritis dan kreatif pelajar
- c. Bahagian C ialah sejauhmana guru-guru menyedari aplikasi video daripada laman youtube boleh diakses tanpa internet ketika sesi pembelajaran sebenar dilaksanakan

## ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan penemuan kajian yang melibatkan persepsi guru terhadap keberkesanan tahap penggunaan video Youtube dalam PdP. Hasil dapatan ini berdasarkan analisis data yang ditemukan daripada soal selidik yang telah dijawab oleh 213 orang responden. Perbincangan dibahagikan kepada dua aspek.

Data yang dikumpulkan diproses dengan menggunakan perisian komputer IBM SPSS versi 22.0, bagi tujuan untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian, dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan bacaan peratusan skor. Tafsiran analisis peratusan menggunakan 5 mata skala likert, dibuat mengikut konteks pengukuran yang berasaskan lima klasifikasi.

Kesesuaian sesuatu item soalan dalam mengukur sesuatu konstruk yang diuji dianalisis dengan menggunakan Ujian kebolehpercayaan iaitu Ujian *Cronbach Alpha*. Kebolehpercayaan (*reliability*) borang soalselidik dianalisis dengan menggunakan Ujian *Cronbach Alpha* ( $r$ ). Nilai maksimum pekali kebolehpercayaan ialah 1. Menurut Mohd Salleh & Zaidatun (2001), sekiranya nilai pekali tersebut kurang daripada 0.6, maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Sementara menurut Frude (1993) nilai  $r$  lebih daripada 0.7 menunjukkan borang soalselidik tersebut mempunyai tahap ketekalan sederhana baik. Nilai *Alpha Cronbach's* setiap item soalan soal selidik dalam kajian ini ialah 0.72 dan nilai adalah sederhana baik.

Jadual 1.

*Keperluan YOUTUBE dijadikan Bahan Bantu Mengajar dalam Pembelajaran Abad 21*

<b>Perkara</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>AS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Pengaplikasian ICT menjadi keutamaan dalam PdP anda di dalam kelas	6 (3.0%)	9 (4.0%)	64 (30.0%)	115 (54.0%)	19 (9.0%)
Penggunaan video dalam PdP telah diamalkan di sekolah sebelum ini	6 (3.0%)	15 (7.0%)	62 (29.0%)	111 (52.0%)	19 (9.0%)
Penggunaan video boleh menarik minat pelajar dalam PdP.	5 (2.4%)	4 (1.8%)	16 (7.3%)	137 (64.3%)	51 (23.8%)

Berdasarkan Jadual 1, Secara puratanya lebih 60% responden yang terdiri daripada guru-guru daerah Kuala Terengganu menyatakan mereka memberikan keutamaan pengaplikasian ICT dalam PdP kelas mereka dan begitu juga penggunaan video dalam PdP mereka.

Manakala lebih 80% guru berpendapat penggunaan video mampu menarik minat dan fokus murid ketika sesi PdP berlangsung dan kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas sama ada kajian di dalam mahupun di luar negara.

Jadual 2.

*Kepentingan YOUTUBE dijadikan Bahan Bantu Mengajar dalam Pembelajaran Abad 21*

<b>Perkara</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>AS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Penggunaan Youtube telah digunakan dalam PdP sebelum ini	6 (3.0%)	32 (15.0%)	72 (34.0%)	94 (44.0%)	9 (4.0%)
Persepsi anda video Youtube berupaya dijadikan BBM	6 (3.0%)	15 (7.0%)	62 (29.0%)	111 (52.0%)	19 (9.0%)
Pengetahuan sebelum ini tentang Youtube.com hanya boleh diakses secara online sahaja.	6 (3.0%)	28 (13.0%)	49 (23.0%)	100 (47.0%)	30 (14.0%)

Berdasarkan jadual 2, persoalan kepentingan laman youtube adakah telah diaplikasikan sebelum ini untuk tujuan PdP dan keputusannya agak mengecewakan kerana kurang 45% responden menggunakan video-video daripada laman Youtube untuk tujuan PdP sedangkan lebih 60% daripada responden menyatakan bahawa Youtube berupaya dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang berkesan.

Begitu juga dari segi pengetahuan responden adakah video Youtube.com hanya boleh diakses secara online sahaja, keputusan kajian mendapati lebih 61% beranggapan video Youtube hanya boleh diakses dengan internet sahaja tanpa boleh disimpan (save) ke dalam komputer. Keadaan ini sudah tentu memberikan tanggapan yang salah, iaitu aplikasi video Youtube agak sukar untuk digunakan sebagai ABM.

Situasi ini ditambah pula (*Jadual 3*) oleh persekitaran fizikal di sekolah seperti kemudahan ICT kurang membantu guru-guru bagi tujuan untuk memperkasakan PdP dan kadar kelajuan internet yang tidak stabil. Hasil kajian mendapati hanya 43% bersetuju manakala 57% responden tidak setuju bahawa internet di sekolah stabil dan membantu untuk muat turun (*download*) atau muat naik (*upload*). Fenomena ini merupakan konstrain ke arah penggunaan video Youtube dalam PdP di sekolah.

Satu persoalan adakah responden bersedia untuk aplikasikan video daripada laman Youtube.com dalam PdP kelas mereka, Jadual 3 menunjukkan 62% responden bersedia aplikasikan video Youtube selepas daripada mereka didedahkan dalam bengkel aplikasi video Youtube ke arah pembudayaan pembelajaran abad 21 (PAK-21).

Pemantauan pengkaji selepas responden menyertai bengkel aplikasi Youtube dalam PdP berkesan. Sebahagian responden yang proaktif telah berupaya mempersembahkan video PdP mereka tersendiri, mengedit video dan memuat naik ke laman Youtube.com. Malah sesetengah video yang dimuat naik mempunyai tontonan (views) melebihi 20k walaupun baru muatnaik naik dalam masa setahun. Terdapat juga sekolah terlibat telah menjadi tumpuan lawatan penandaarasan daripada sekolah-sekolah peringkat kebangsaan

Jadual 3.

*Kemudahan ICT di sekolah membantu penggunaan ICT dalam pembelajaran abad 21*

<b>Perkara</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>AS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
Kemudahan LCD projektor, komputer dan akses internet banyak membantu penggunaan ICT di sekolah	4 (2.0%)	43 (20.0%)	45 (21.0%)	102 (48.0%)	19 (9.0%)
Kadar kelajuan internet membantu aplikasi Youtube dalam PdP	4 (2.0%)	62 (29.0%)	55 (26.0%)	71 (33.0%)	21 (10.0%)
Selepas mengikuti kursus aplikasi Youtube adakah anda bersedia mengamalkan aplikasi Youtube dalam PdP di sekolah.	2 (1.0%)	15 (7.0%)	64 (30.0%)	10 (50.0%)	26 (12.0%)

### **RUMUSAN DAPATAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN**

Kesimpulannya hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan responden-responden yang terdiri dari kalangan guru-guru sekolah harian di daerah Kuala Terengganu mengiktiraf kepentingan ICT dalam usaha membantu PdP yang berkualiti dan menarik minat murid. PdP yang berkualiti mempunyai korelasi dengan pencapaian kecemerlangan akademik dan apa yang menarik lagi ialah kemenjadian murid selaras dengan matlamat akhir dalam PPPM 2013-2025.

Penggunaan teknologi atau ICT dalam PdP, bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan proses PdP. Oleh kerana itu kita seharusnya berupaya dapat menggunakannya secara berfikir, terancang dan bersesuaian (iaitu, bila perlu, bila tidak, dan bagaimana?). Penggunaan ICT secara tidak langsung akan membantu dan mendorong kita untuk melakukan anjakan paradigma dalam proses P&P. Ini seterusnya akan melahirkan satu persekitaran pembelajaran yang lebih baik.

Penggunaan video, salah satu alat yang boleh digunakan untuk menghasilkan PdP yang efektif kepada murid, malah ianya boleh dijadikan stimulus ke arah mencapai aras kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Aplikasi video dari laman media sosial Youtube.com seharusnya digunakan secara optimum oleh guru-guru dan juga oleh pelajar itu sendiri. Muat turun dan muat naik video bermanfaat terutamanya dalam bidang pendidikan seharusnya menjadi budaya di sekolah melalui perkongsian ilmu di dalam mahupun di peringkat antarabangsa.

Hasil kajian-kajian tempatan mahupun luar negara turut membuktikan penggunaan aplikasi Youtube mampu menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan efektif. Situasi ini agak selari dengan kajian ini, ia dibuktikan dengan lebih 90% responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah harian di Kuala Terengganu menyatakan video Youtube terpilih dan bermanfaat sememangnya mampu memberikan kesan positif kepada murid dari segi PdP yang menarik, fokus dalam pembelajaran, ingatan jangka panjang dan membantu pelaksanaan PAK-21.

Walaupun begitu, hanya lebih kurang 48% sahaja yang menggunakan video Youtube dalam PdP mereka. Data yang agak mengejutkan juga lebih 84% responden beranggapan video Youtube **hanya** boleh diakses jika ada internet sahaja dan mereka tidak sedar sebenarnya tanpa internet di sekolah mereka masih boleh simpan video terpilih ke dalam komputer mereka untuk tujuan PdP.

Kekurangan kemudahan ICT seperti kelajuan internet sudah tentu akan dijadikan alasan untuk tidak menggunakan Youtube sebagai alat stimulus ke arah pencapaian KBAT dan usaha membudayakan PAK-21. Adalah diharapkan bengkel aplikasi Youtube mampu merangsang guru-guru untuk menggunakan video sebagai sumber pembelajaran berkesan dan ini dibuktikan dengan lebih 62% menyatakan hasrat untuk menggunakan video Youtube terpilih dalam PdP mereka selepas mereka diberikan pendedahan menerusi bengkel yang dianjurkan oleh pengkaji.

Kajian ini hanya langkah awal untuk mengenalpasti kepentingan penggunaan video Youtube sebagai alat yang dapat membantu PdP yang lebih menarik dan berkesan kepada murid. Adalah diharapkan untuk masa hadapan kajian melibatkan persepsi murid juga amat penting diteroka oleh pengkaji-pengkaji lain. Adalah menjadi satu keperluan untuk cuba melihat apakah keinginan dan kehendak murid untuk mereka gembira untuk ke sekolah dan belajar sebagai suatu perkara yang menyeronokkan (*Fun Learning*).

## RUJUKAN

- Amir Hasan Dawi (2009). *Sekolah dan masyarakat*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Burgess, J. & Green, J. (2009). *YouTube digital media and society series*. Polity Press.
- Clifton, A. & Mann, C. (2010). Can YouTube enhance student nurse learning? *Journal Nurse Education Today*, 31, 311- 313.
- Reiss, D. (2007). Video – based Multimedia Design: A Research Study Testing Learning Effectiveness. *Canadian Journal of Learning and Technology*. Fall.
- Duff, P. (2008). Engaging the YouTube Google – Eyed Generation: Strategies for Using Web 2.0 in Teaching and Learning. *The Electronic Journal of e – Learning*, 6(2), 119 – 130.
- Guidelines for Consumers and Designers of Multimedia Learning*. SanFrancisco: Jossey – Bass Pfeiffer.
- Mohamed Amin Embi (2011). *Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran & Pembelajaran*. Pusat Pembangunan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia. (Atas talian) <http://ml.scribd.com/doc/65576530/Aplikasi-Web-2-0-Dalam-Pengajaran-Dan-Pembelajaran> diakses pada 22/11/2012.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Choon Keong & Carol Abu (2013). *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013: Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial*. Universiti Malaysia Sabah.